

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 7.3.2017

SOALAN :

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap pegawai-pegawai yang tidak bekerjasama dengan ahli parlimen dalam usaha membantu sekolah khususnya dalam program meningkatkan hubungan dan kesedaran di kalangan ibu bapa terhadap pencapaian Akademik anak-anak mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa mengalu-alukan kerjasama pelbagai pihak termasuk Ahli Parlimen dalam usaha membantu pihak sekolah terutama dalam program pencapaian dan kecemerlangan akademik. Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025, Inisiatif Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK), ibu bapa dan komuniti merupakan rakan aktif dalam membantu pihak sekolah. Namun begitu, program yang dilaksanakan oleh pihak komuniti/agensi luar haruslah mendapat kebenaran daripada KPM agar berfokus kepada kecemerlangan akademik serta tidak mengganggu waktu PdP guru dan murid berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 3/2008: Mengundang Orang-Orang Kenamaan

Ke Upacara Sekolah Dan Penggunaan Premis Sekolah Oleh Pihak Luar bertarikh 31 Mac 2008 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9/2004: Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia bertarikh 1 September 2004.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai perkhidmatan pendidikan pelbagai peringkat tertakluk kepada peraturan penjawat awam dan arahan-arahan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh KPM. Tindakan intervensi dan tatatertib yang sewajarnya akan diambil jika siasatan mendapati wujud kes pelanggaran disiplin dan etika penjawat awam.

RJM05